

30/12/2000

Perpaduan kaum, isu gaji tumpuan akhbar Tamil

Magendran Rajagopal

PERPADUAN kaum menjadi agenda utama akhbar Tamil tempatan sepanjang minggu ini, seiring ketibaan perayaan Krismas dan Aidilfitri yang mewujudkan suasana meriah, selain mengeratkan lagi hubungan dan perpaduan kaum.

Utusan Hari Raya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta rakyat menerapkan semangat perpaduan di peringkat akar umbi lagi, menerima liputan meluas dalam Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban).

Sehubungan itu, kontroversi mengenai 17 tuntutan Jawatankuasa Rayuan Piihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) nampaknya sudah reda sedikit apabila semua pihak sedia berunding secara rasional mengenainya.

Walaupun akhbar Tamil tempatan tidak banyak melaporkan isu tuntutan Suqiu itu, rata-rata kesemuanya menyambut baik seruan Dr Mahathir supaya semua kaum mengengapikan perbezaan peribadi demi perpaduan dan keharmonian kaum.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, pula berkata rakyat Malaysia daripada semua kaum dan agama mesti mengekalkan perpaduan sesama mereka bagi memastikan pembangunan negara berjalan lancar.

Beliau berkata, rakyat Malaysia patut menggunakan perayaan pelbagai kaum untuk mengukuhkan perpaduan mereka kerana ia boleh menjurus kepada persefahaman yang lebih baik di kalangan pelbagai kaum dan agama di negara ini. Katanya, jika setiap kaum saling memahami sesama sendiri dengan lebih baik, maka masalah bersabit kaum dan agama yang timbul dari semasa ke semasa akan dapat diselesaikan segera tanpa menghiris perasaan mana-mana kaum atau agama.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya menggesa rakyat Malaysia mengambil kesempatan pada musim perayaan ini untuk merapatkan hubungan dan persefahaman sesama mereka demi masa depan negara.

Isu gaji bulanan pekerja ladang turut menjadi isu panas dalam akhbar Tamil tempatan, terutama Nanban, sepanjang minggu ini kerana kelewatan kerajaan, yakni Kementerian Sumber Manusia, menyelesaikan masalah itu.

Menterinya, Datuk Dr Fong Chan On, mengakui proses tawar menawar itu mengambil masa agak lama tetapi ia tidak wajar dijadikan alasan mempertikaikan ketelusan kerajaan menyelesaikan isu gaji bulanan pekerja ladang.

Pelbagai pihak sudah mula mempersoalkan pendirian kerajaan berhubung hal itu dan meminta pihak ketiga iaitu MIC, selaku wakil masyarakat India dalam kerajaan, turut campur tangan bagi menyelesaikan kemelut itu.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata beliau sudah membangkitkan perkara itu dalam Kabinet dan sedang dikaji secara mendalam oleh Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan ia dapat dilaksanakan tanpa masalah.

Katanya, isu berhubung gaji bulanan pekerja ladang tidak dapat diselesaikan dengan berpiket, sebaliknya perlu dilakukan secara rasional menerusi rundingan membabitkan semua pihak berkenaan.

Beliau juga kesal dengan tindakan pihak tertentu mengadakan piket tanpa mengetahui perkembangan sebenar perbincangan serta kerumitan yang dihadapi berhubung penentuan gaji bulanan.

Kemelut berhubung gaji bulanan yang munasabah bagi pekerja ladang terus berlarutan kerana wujud banyak perbezaan dalam sektor perladangan mengikut jenis tanaman yang diusahakan dan harga pasaran setiap komoditi itu.

Difahamkan, gaji pekerja ladang getah tidak sama dengan pekerja ladang

kelapa sawit yang kini menerima gaji antara RM700 hingga RM900 sebulan dan ini menyukarkan penetapan tangga gaji yang selaras.

Pada masa yang sama, rundingan antara Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) dan Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (Mapa) nampaknya belum mencapai sebarang kata sepakat setakat ini.

(END)